

KETIDAKSEPADANAN TERJEMAHAN KATA GANTI NAMA DIRI DALAM SURAH AL-SYU'ARAA

Nasimah Abdullah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Lubna Abd. Rahman
Universiti Sains Islam Malaysia

Norfazila Ab. Hamid
Murni Syakirah Musa
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Kata ganti nama ialah kata atau perkataan yang menggantikan kata nama. Sifat, ciri dan bentuk kata ganti nama adalah berbeza antara bahasa Melayu dan bahasa Arab. Namun perbezaan tersebut sama sekali tidak menafikan fungsinya sebagai salah satu elemen penting yang membentuk ketenunan atau kohesi (cohesion) dalam teks. Oleh itu, elemen ini perlu diberi perhatian yang serius dalam terjemahan agar rujukan kata ganti nama itu jelas dan mudah difahami oleh pembaca. Justeru, kertas kerja ini cuba menganalisis ketidaksepadanan terjemahan kata ganti nama dalam terjemahan al-Qur'an oleh Abdullah Basmeih yang hanya memfokuskan surah al-Syu'araa. Berdasarkan lima (5) contoh ayat yang dikaji dalam kertas kerja ini, didapati terdapat ketidakseragaman dalam menterjemah kata ganti nama daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu berdasarkan kaedah tatabahasa Melayu. Oleh itu, dalam usaha untuk memahami maksud ayat al-Qur'an serta menghasilkan terjemahan yang mempunyai sifat kohesi, disarankan agar terjemahan kata ganti nama dalam terjemahan tersebut perlu diberikan perhatian yang serius agar kekurangan dalam terjemahan dapat diatasi.

Kata Kunci: *Kata Ganti Nama Diri; Kesepadanan Terjemahan; Al-Quran; Surah Al-Syu'araa; Kohesi*

1.0 PENDAHULUAN

Dalam penterjemahan, seseorang itu bukannya menterjemah satu siri ayat yang terpisah daripada konteks tetapi apa yang ditanganinya ialah sebuah teks. Teks ialah satu siri ayat yang saling sambung-menyambung dan tidak mungkin boleh diperikan secara terpisah daripada konteks keseluruhan wacana. Wacana yang mantap akan terhasil daripada keserasian hubungan antara satu unsur linguistik dengan unsur linguistik yang lain atau disebut juga mempunyai kohesi. Kata ganti nama diri dalam bidang linguistik teks adalah salah satu elemen penting yang membentuk ketenunan atau kohesi (*cohesion*) dalam teks. Oleh itu, penggunaan kata ganti nama diri yang betul dalam memindahkan mesej daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran adalah amat penting dalam memastikan penyampaian mesej yang betul dan tepat serta mudah difahami oleh pembaca sasaran.

Sebaliknya, penggunaan kata ganti nama diri yang salah atau tidak jelas akan menjejaskan keutuhan sesuatu laras sebagai sebuah teks secara keseluruhan. Dalam amali

penterjemahan, penterjemah perlu peka dengan faktor keseragaman atau padanan antara kata ganti nama diri teks sumber dan kata ganti nama diri teks sasaran kerana ia mempunyai implikasi nahan dan makna yang begitu signifikan terhadap pembaca sasaran.

Oleh itu, kertas kerja ini cuba meninjau ketidaksepadanan terjemahan kata ganti nama diri dalam terjemahan al-Qur'an oleh Abdullah Basmeih dengan hanya memfokuskan surah al-Syu'araa. Tumpuan kajian dalam kertas kerja ini adalah terjemahan kata ganti nama diri Arab ke bahasa Melayu dengan cara membandingkan antara struktur sintaksis Arab dan Melayu bagi meneliti kesepadanan terjemahan yang digunakan. Penulis memilih beberapa contoh ayat al-Quran secara rawak sebagai contoh ketidaksepadanan dalam menterjemah kata ganti nama diri Arab ke bahasa Melayu.

2.0 KATA GANTI NAMA DIRI ARAB DAN MELAYU: KAJIAN KONTRASTIF

Kata ganti nama ialah perkataan yang menjadi pengganti kata nama khas dan kata nama am (Tatabahasa Dewan 2006: 103) dan digunakan bagi mengelakkan berlakunya pengulangan dan kekerapan yang terlalu banyak bagi perkataan yang sama dalam sesuatu ayat. (Muhammad Bukhari Lubis dll: 1998: 40). Sifat, ciri dan bentuk kata ganti nama adalah berbeza antara bahasa Melayu dan bahasa Arab. Namun, perbezaan tersebut sama sekali tidak menafikan fungsinya sebagai salah satu elemen penting yang membentuk ketenunan atau kohesi (*cohesion*) dalam teks.

Kata ganti nama diri ialah kata nama yang menjadi pengganti sesuatu benda, perkara atau manusia. Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (Tatabahasa Dewan 2006: 88) pula membahagikan kata ganti nama diri kepada dua (2) kumpulan, iaitu kata ganti nama diri tanya dan kata ganti nama diri orang. Kata ganti nama diri orang terbahagi kepada tiga (3) jenis iaitu 1) kata ganti nama diri orang pertama, 2) kata ganti nama diri orang kedua, dan 3) kata ganti nama diri orang ketiga (Tatabahasa Dewan: 103). Kesemua jenis kata ganti nama diri tersebut digunakan mengikut konteks yang berbeza pada peraturan sosiolinguistik masyarakat melayu.

Kata ganti nama diri pertama digunakan untuk menggantikan nama diri orang yang bercakap, dan ia terbahagi kepada dua (2) bentuk iaitu bentuk tunggal seperti aku, saya, beta, patik, daku, hamba, dan bentuk jamak seperti kami dan kita. Kata ganti nama diri kedua digunakan untuk menggantikan nama diri orang yang diajak bercakap, dan ia terbahagi kepada dua (2) bentuk iaitu bentuk tunggal seperti awak, kamu, engkau, dikau, tuanku, anda dan bentuk jamak seperti anda dan kalian. Istilah "anda" adalah satu-satunya kata ganti nama diri yang boleh digunakan untuk merujuk kepada tunggal atau jamak.

Manakala, kata ganti nama diri ketiga digunakan untuk menggantikan nama diri orang yang diperkatakan dan orang tersebut tiada pada masa percakapan berlangsung, dan ia terbahagi kepada dua (2) bentuk iaitu bentuk tunggal seperti dia, ia, nya, baginda, beliau, dan bentuk jamak iaitu mereka.

Dalam tatabahasa Arab, kata ganti nama diri disebut sebagai *dhamir* (ضمير) dan ia terbahagi kepada tiga (3) jenis iaitu *munfashil* (منفصل), *muttashil* (متصل) dan *mustatir* (مستتر). *Dhamir* (منفصل) dan *dhamir* (متصل) kedua-duanya terbahagi kepada tiga jenis, iaitu *mutakallim* (متكلم), *mukhatab* (مخاطب) dan *gha'ib* (غائب) (Majdi Wahbah & Kamil al-Muhandis 1984: 230-231).

Dhamir Mutakallim (ضمير متكلم) bermaksud kata ganti nama diri yang digunakan untuk menggantikan nama diri orang yang bercakap iaitu seperti (أنا، نحن، ت، نا), *dhamir mukhatab* (ضمير مخاطب) pula bermaksud kata ganti nama diri yang digunakan untuk menggantikan nama diri orang yang diajak bercakap iaitu seperti (أنت، أنتما، أنتم، أنتن، ت، ت) dan *dhamir gha'ib* (ضمير غائب) bermaksud kata ganti nama diri yang digunakan untuk menggantikan nama diri orang yang diperkatakan dan orang tersebut tiada pada masa percakapan berlangsung iaitu seperti (هو، هما، هم).

Dhamir munfashil (ضمير منفصل) bermaksud ia tidak boleh bersambung dengan perkataan lain, atau ia mesti ditulis secara berasingan daripada perkataan lain samada sebelum atau selepasnya atau dengan erti kata lain ia boleh ditulis di awal perkataan lain (Ghalayini, Mustafa 1987: 119).

Secara kontrasif, kita boleh rumuskan bahawa semua kata ganti nama diri orang dalam Bahasa Melayu merujuk kepada manusia sahaja (Tatabahasa Dewan 89), kecuali “ia” yang boleh merujuk kepada benda yang dibicarakan (Kamus Dewan Edisi Keempat 2007: 556). Ini berbeza sama sekali dengan kata ganti nama diri dalam bahasa Arab iaitu (ضمير) yang boleh merujuk kepada manusia, haiwan, benda dan perkara abstrak (Mohd. Hilmi Abdullah 2008: 84). Begitu juga, kata ganti nama Arab mempunyai dua (2) ciri iaitu nyata (*baariz*) dan tersembunyi (*mustatir*). Ciri *istitar* ini tidak wujud dalam bahasa Melayu yang hanya mempunyai kata ganti nama yang zahir dan nyata.

Selain itu, kata ganti nama diri Melayu juga amat berbeza dengan Arab kerana penggunaannya mestilah berdasarkan konteks. Sebagai contoh, kata ganti nama diri pertama ‘patik’ dan ‘beta’ digunakan ketika berlaku percakapan antara seorang raja dan rakyat, dan sama sekali tidak menggunakan “aku” atau “kamu”.

3.0 KEPERLUAN DALAM MENTERJEMAHKAN KATA GANTI NAMA DIRI ARAB KE MELAYU

Dalam konteks terjemahan Arab-Melayu, penterjemah perlulah menguasai konsep ganti nama dalam kedua-dua bahasa ini (Muhammad Bukhari Lubis, Mohd Fauzi Jumingan dan Khairunnawa Mohamed 1998: 43). Sebagai contoh, kata ganti nama diri dalam bahasa Melayu hanya merujuk kepada bentuk tunggal dan jama’, tetapi kata ganti nama diri dalam bBahasa Arab merujuk kepada bentuk tunggal (مفرد), dua (مثنى) dan jama’ (جمع). Oleh itu penterjemah perlu menguasai penggunaan kata ganti nama dalam bentuknya yang berbeza. Selain itu, kata ganti nama diri dalam bahasa Melayu tidak membezakan gender antara maskulin dan feminin, tetapi kata ganti nama diri bahasa Arab membezakan antara gender tersebut.

Dengan erti kata lain, penterjemah perlu peka dengan persamaan dan perbezaan sifat, bentuk dan penggunaan kedua-dua kata ganti nama diri Arab ke Melayu. Oleh itu, penterjemah perlu mendalami ilmu linguistik bandingan untuk membuat padanan yang sepatutnya antara bahasa sumber dan bahasa sasaran, selain mengambilkira juga sudut sosiolinguistik Bahasa Melayu dan konteks wacana agar penggunaan kata ganti nama diri tersebut sesuai dengan budaya orang Melayu. Kadang-kadang terjemahan kata ganti nama diri secara literal adalah sepadan, tetapi tidak sesuai dengan konteks masyarakat Melayu dari segi kesopanan dan kesantunan. Dalam situasi ini, penterjemah boleh menggunakan

pendekatan pragmatik dalam terjemahan iaitu dengan menterjemahkan kata ganti nama diri Arab ke kata panggilan kekeluargaan Melayu jika melibatkan dialog antara ahli keluarga.

Bahasa Melayu mempunyai beberapa terjemahan kepada kata ganti nama diri pertama (أنا) dan (نحن) yang berbeza dalam konteks tertentu. (أنا) boleh diterjemahkan kepada (Saya - Aku -Beta - Patik -Hamba), manakala (نحن) boleh diterjemahkan kepada (Kami - Kita). Bahasa Melayu tidak membezakan antara maskulin dan feminin tetapi bahasa Arab membezakannya iaitu (هو) untuk maskulin dan (هي) untuk feminin. Bahasa Melayu mempunyai pelbagai pilihan kata ganti nama diri kedua iaitu (Dia - Ia - Beliau - Baginda) berdasarkan konteks yang berbeza. Manakala tiga lagi kata ganti nama diri kedua iaitu (هما), (هم) dan (هن) diterjemahkan kepada (mereka), tetapi untuk membezakan bilangan, bahasa Melayu menggunakan perkataan (berdua) untuk menunjukkan bilangan (*muthanna*) tersebut. (Nasimah Abdullah & Lubna Abd. Rahman 2015)

Untuk kata ganti nama ketiga, tiada perbezaan antara (أنت) dan (أنتِ) dalam bahasa Melayu dari segi maskulin dan feminin dan boleh diterjemah kepada pelbagai cara iaitu (Awak-Kamu - Engkau - Anda - Tuanku) berdasarkan konteks yang berbeza. Manakala satu (1) lagi kata ganti nama ketiga iaitu (أنتم) diterjemahkan kepada (Awak - Anda - Kamu) serta ditambahkan perkataan (berdua) untuk merujuk kepada bentuk *muthanna*. Untuk (أنتم) dan (أنتن) boleh diterjemahkan kepada (Anda - Kamu) serta ditambahkan perkataan (semua) atau (sekalian) untuk merujuk kepada bilangan jamak. (Nasimah Abdullah & Lubna Abd. Rahman 2015)

4.0 ANALISA DAN PERBINCANGAN

Pada bahagian ini, penulis mengemukakan lima (5) contoh ayat al-Quran secara rawak dari *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman* yang menunjukkan wujudnya ketidaksepadanan dalam terjemahan kata ganti nama diri Arab ke Melayu dengan hanya memfokuskan surah al-Syu'araa. Seterusnya, penulis cuba membuat perbandingan dengan hasil terjemahan lain jika terdapat keseragaman dalam terjemahan tersebut.

Tiga (3) contoh yang terdapat dalam Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3 di bawah adalah dialog yang berlangsung antara nabi Musa dengan Firaun.

Jadual 1

<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman</i> : 2001	Surah al-Syu'araa : Ayat 24
Nabi Musa menjawab, “Dialah yang memiliki dan mentadbirkan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya, kalaulah kamu mahu mendapat keyakinan dengan berdalil maka inilah jalannya.” (hlm: 943)	﴿قَالَ رَبُّ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا إِنَّ كُنْتُمْ مُوقِنِينَ﴾

Jadual 2

<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman</i> : 2001	Surah al-Syu'araa : Ayat 26
Nabi Musa menegaskan lagi: “Dialah Tuhan yang memiliki dan memelihara kamu dan Tuhan datuk nenek kamu yang telah lalu.” (hlm: 943)	﴿قَالَ رَبُّكُمْ وَرَبُّ آبَائِكُمُ الْأُولِينَ﴾

Jadual 3

<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman</i> : 2001	Surah al-Syu'araa : Ayat 28
Nabi Musa (menerangkan lagi tentang keesaan Allah dan kekuasaan-Nya dengan) berkata: “Dialah yang memiliki dan menguasai timur dan barat serta segala yang ada di antara keduanya’ kalau kamu orang-orang yang berakal tentulah memahaminya!” (hlm: 944)	﴿قَالَ رَبُّ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَمَا بَيْنَهُمَا إِنَّ كُنْتُمْ تَعْقِلُونَ﴾

Dalam ayat al-Quran di Jadual 1 dan Jadual 3 di atas terdapat perkataan yang bersambung dengan kata ganti nama diri iaitu (كنتم). Asalnya frasa ini adalah cantuman daripada (كان) dan (أنتم). Dalam konsep morfologi Arab, ia perlu dicantumkan kepada (تم). (تم) adalah *dhamir mukhatab* (ضمير مخاطب) yang merujuk kepada bentuk jamak. Manakala dalam ayat al-Quran di Jadual 2 pula terdapat perkataan (أبَاء) yang bersambung dengan kata ganti nama diri iaitu *dhamir mukhatab* (ضمير مخاطب) yang merujuk kepada bentuk jamak iaitu (كم).

Tetapi Abdullah Basmeih telah menterjemahkan ketiga-tiga kata ganti nama diri jamak tersebut dengan (kamu). Kaedah terjemahan ini adalah tidak sepadan kerana (أنتم) dan (كم) tidak seragam dengan kata ganti nama diri (kamu) yang merujuk kepada bentuk tunggal. Sepatutnya ia diterjemah dengan (kamu sekalian) agar sepadan dengan bentuk jamak. Hasil terjemahan tersebut menjadikan keseluruhan wacana adalah tidak mantap kerana ia mempunyai implikasi nahuan dan makna yang tidak signifikan dengan maksud asal teks sumber.

Sekiranya dibandingkan dengan kaedah terjemahan Yayasan Restu untuk Ayat 24 Surah al-Syu'araa, ia kelihatan lebih mempunyai implikasi kesepadanan nahuan dan makna antara teks sumber dan teks sasaran kerana diterjemahkan seperti berikut:

“Musa menjawab, “Dialah yang memiliki dan mentadbirkan langit dan bumi serta segala yang ada di antara kedua-duanya. (Itulah Tuhanmu) jika **kamu sekalian** termasuk orang yang meyakini-Nya.” (hlm: 376)

Dua (2) contoh yang terdapat dalam Jadual 4 dan Jadual 5 di bawah adalah dialog yang berlangsung antara Firaun dengan rakyat jelata baginda.

Jadual 4

<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman</i> : 2001	Surah al-Syu'araa : Ayat 25
Firaun berkata kepada orang-orang yang ada di sekelilingnya: “Tidakkah kamu dengar (apa yang dikatakan olehnya?)” (hlm: 943)	﴿قَالَ لِمَنْ حَوْلَهُ أَلَا تَسْمِعُونَ﴾

Jadual 5

<i>Tafsir Pimpinan Ar-Rahman</i> : 2001	Surah al-Syu'araa : Ayat 27
---	-----------------------------

Firaun berkata (kepada orang-orangnya): “Sebenarnya Rasul yang diutuskan kepada **kamu** ini, sungguh gilan?” (hlm: 943)

﴿قَالَ إِنَّ رَسُولَكُمْ الَّذِي أُرْسِلَ إِلَيْكُمْ لَمَجْنُونٌ﴾

Dalam ayat al-Quran di Jadual 4 di atas terdapat frasa kata kerja (تستمعون) yang terkandung di dalamnya kata ganti nama diri iaitu *dhamir mukhatab* (ضمير مخاطب) yang merujuk kepada bentuk jamak iaitu (أنتم). Manakala dalam ayat al-Quran di Jadual 5 pula terdapat partikel (إلى) yang bersambung dengan kata ganti nama diri iaitu *dhamir mukhatab* (ضمير مخاطب) yang merujuk kepada bentuk jamak iaitu (كم).

Tetapi Abdullah Basmeih telah menterjemahkan kedua-dua kata ganti nama diri jamak tersebut dengan (kamu). Kaedah terjemahan ini adalah tidak sepadan kerana (أنتم) dan (كم) tidak seragam dengan kata ganti nama diri (kamu) yang merujuk kepada bentuk tunggal. Sepatutnya ia diterjemah dengan (kamu sekalian) atau (kamu semua) agar sepadan dengan bentuk jamak. Hasil terjemahan tersebut menjadikan keseluruhan wacana adalah tidak mantap kerana ia mempunyai implikasi nahuan dan makna yang tidak signifikan dengan maksud asal teks sumber.

5.0 PENUTUP

Berdasarkan lima (5) contoh ayat yang dikaji, kertas kerja ini mendapati bahawa terdapat ketidakseragaman dalam menterjemah kata ganti nama diri daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu berdasarkan kaedah tatabahasa Melayu terutama yang berkait dengan bentuk jamak. Oleh itu, dalam usaha untuk memahami maksud ayat al-Qur'an serta menghasilkan terjemahan yang mempunyai sifat kohesi dan sepadan dari segi makna nahuan, disarankan agar terjemahan kata ganti nama dalam terjemahan tersebut diberikan perhatian serius agar kekurangan dalam terjemahan dapat diatasi.

6.0 RUJUKAN

- _____. *Kamus Dewan*. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. edisi keempat.
- _____. *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*. (2011). Shah Alam: Yayasan Restu. Cetakan 6.
- Abdullah Basmeih. (2001). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir. Cetakan 12.
- Ghalayini, Mustafa. (1987). *Jami' al-Durus al-Arabiyyah*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah. Cetakan 21.
- Mohd. Hilmi Abdullah. (2008). *Teori & Kaedah Penterjemahan Arab-Melayu*. Kota Bharu: Pustaka Hilmi. Cetakan Pertama.
- Muhammad Bukhari Lubis, Mohd. Fauzi Jumingan & Khairunnawa Mohamed. (1998). *Penerjemahan Arab Melayu Arab Peraturan & Dasar*. Penerbit Universiti Putra Malaysia. Cetakan Pertama.

- Nasimah Abdullah & Lubna Abd. Rahman. (2015). Kata Ganti Nama Dalam Terjemahan Al-Quran Al-Karim: Tinjauan Terhadap Keseragaman Terjemahan. Dalam MICFL2015.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2006). Tata Bahasa Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Cetakan 11.
- Wahbah, Majdi & al-Muhandis, Kamil. (1984). *Mu'jam al-Musthalahaat al-Arabiyyah fi al-Lughah wa al-Adab*. Beirut: Maktabah Lubnan. Cetakan Kedua.